

Ulasan Buku (*Book Review*)

Elias al-Maqdisi & Sam Solomon. 2010. *Al-Yahud: Eternal Islamic Enmity & the Jews*. Charlottesville, Virginia: ANM Publishers, pp. 1-193. ISBN 9-780971-534636.

YUSRI MOHAMAD RAMLI¹

Kedua-dua penulis bersama bagi buku *Al-Yahud: Eternal Islamic Enmity & the Jews* ini pada asasnya cuba memaparkan tentang sumber sejarah dan doktrin yang ingin dikaitkan sebagai punca dorongan bagi umat Islam agar sentiasa memusuhi Israel dan masyarakat Yahudi melalui ‘jihad’ yang difahaminya sebagai ‘peperangan’ dan ‘keganasan’ semata-mata. Apa yang disampaikan oleh Elias al-Maqdisi dan Sam Solomon sebenarnya ada hubungan dari sudut kronologinya dengan buku yang pernah mereka hasilkan sebelum ini bertajuk *Modern Day Trojan Horse: Al-Hijra, the Islamic Doctrine of Immigration, Accepting Freedom or Imposing Islam?* (2009) yang cuba membentuk gambaran negatif mengenai imigrasi masyarakat Islam dan memanipulasikan konsep ‘jihad’ sebagai usaha keganasan dan peperangan yang dianjurkan oleh Islam untuk menguasai dunia. Sehubungan itu, buku *Al-Yahud* ini masih mengekalkan momentum sebagaimana buku sebelumnya iaitu menyalahkan umat Islam secara kesimpulan. Penulis buku ini memasukkan unsur sejarah dan latar belakang suasana krisis Israel-Palestin, seterusnya memfokuskan tentang gambaran dan persepsi negatif mengenai ajaran Islam dan umatnya yang dilihat sentiasa mempromosikan ciri-ciri kebencian dan permusuhan terhadap masyarakat Yahudi. Buku yang mengandungi tujuh (7) bab ini, pada bab pertama sekali adalah membincangkan mengenai asas kepada permusuhan oleh umat Islam terhadap masyarakat Yahudi. Pada bab kedua, ia mengenai mitos perdamaian, dan diikuti pula pada bab ketiganya tentang asas permusuhan yang difahaminya daripada ajaran al-Quran, al-Sunnah dan sirah. Pada bab-bab seterusnya pula, ia memaparkan dakwaan-dakwaan bahawa ‘jihad’ dalam Islam adalah berbahaya kepada dunia, Nabi Muhammad s.a.w. dilabelkan sebagai ‘pengasas’ kepada permusuhan, Jerusalem sebagai ‘hak mutlak’ masyarakat Yahudi, serta bab penutup iaitu kesimpulan yang memburuk-burukkan imej Islam dan umatnya.

Dalam bab pertama, Elias al-Maqdisi dan Sam Solomon menyatakan bahawa umat Islam dalam solat lima waktunya telah mengutuk masyarakat Yahudi dan Kristian. Ia dikaitkan dengan ayat terakhir pada bacaan surah *al-Fatiha* (1:7) dalam sembahyang yang difahami oleh kedua-dua penulis ini bahawa makna ‘mereka yang dimurkai Tuhan’ adalah merujuk kepada masyarakat Yahudi, dan makna ‘mereka yang sesat’ adalah merujuk kepada masyarakat Kristian. Walaupun kalangan mufasirin mengesahkan maksud sedemikian, namun ia bukanlah satu gesaan agar umat Islam perlu terus membenci masyarakat Yahudi dan Kristian, tetapi gesaan tersebut sebenarnya adalah merujuk kepada membenci terhadap penyelewengan dan keburukan yang telah dilakukan oleh masyarakat Yahudi dan Kristian. Justeru, tafsiran dan pernyataan Elias al-Maqdisi dan Sam Solomon dalam buku ini dilihat sebagai dakwaan yang tidak tepat mengenai Islam dan ayat al-Quran. Pada bab kedua pula, buku ini cuba menyenggung sensitiviti umat Islam melalui dakwaan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. sebenarnya hendak bersaing dengan masyarakat Yahudi demi untuk menonjolkan dirinya. Alasan utama yang digunakan oleh kedua-dua penulis bersama buku ini adalah tentang perubahan kiblat dari Masjid al-Aqsa ke Masjid al-Haram di Mekah. Ia seolah-olah menggambarkan Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang ‘pendengki’, dan dakwaan ini jelas menghina Nabi s.a.w. dan ajaran Islam. Pada bab berikutnya, kandungan buku ini mengemukakan beberapa ayat al-Quran, hadis, sirah dan peristiwa serta konflik yang dikaitkan dengan umat Islam, yang kedua-dua penulis tersebut tafsirkan secara tidak tepat demi untuk membuktikan bahawa ajaran Islam sememangnya menggalakkan kebencian dan permusuhan terhadap masyarakat Yahudi. Antara ayat al-Quran yang dipetik ialah surah *al-Ma’idah* (5:51 & 82), *al-Tawbah* (9:23 & 30-31), *al-Mumtahanah* (60:1 & 4) dan *Ali ’Imran* (3:28 & 118). Sikap penulis buku ini seakan-akan cuba mengesahkan, malah menyebarkan persepsi negatif melampau bahawa Islam sememangnya berpaksikan kepada kebencian dan keganasan. Bab keempat bagi buku *Al-Yahud* ini, memaparkan pula

¹ Yusri Mohamad Ramli, M.A. Lecturer at the Department of Theology and Philosophy, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: yusri_mr@ukm.edu.my

tentang permusuhan dan kebencian umat Islam yang sentiasa disalurkan melalui ‘jihad’ ke ganasan dan peperangan untuk menghapuskan masyarakat Yahudi. Fenomena ini dilanjutkan dalam bab yang seterusnya iaitu dengan membincangkan mengenai sikap dan tindakan Nabi Muhammad s.a.w. yang menggalakkan permusuhan terhadap orang Yahudi. Antara yang dibangkitkan adalah mengenai pengusiran masyarakat Yahudi yang berpaling tada, agar keluar dari Madinah. Bahagian yang keenam, ia menjelaskan mengenai Palestin ataupun Jerusalem yang menjadi sasaran umat Islam. Antara dakwaan yang dibangkitkan oleh Elias al-Maqdisi dan Sam Solomon adalah Nabi Muhammad s.a.w. sebelum ini sememangnya berhasrat untuk menguasai Palestin kerana Baginda terlalu berkehendakkan tanah suci masyarakat Yahudi tersebut. Begitu juga dakwaan kedua-dua penulis ini bahawa peristiwa Israk dan Mikraj adalah peristiwa yang sengaja direka supaya umat Islam akan sentiasa menuntut tanah Palestin atas ‘tiket’ ia adalah tanah suci umat Islam. Akhir sekali iaitu pada bab ketujuh, kedua-dua penulis bersama buku *Al-Yahud* ini telah menyimpulkan secara umum (generalisasi) bahawa agama Islam sememangnya menganjurkan permusuhan dan kebencian terhadap orang Yahudi sebagaimana paparan bukti-bukti daripada ajaran Islam sendiri dan hubungannya dengan isu Palestin.

Jika diperhalusi dan dirincikan keterangan dalam buku ini, terdapat banyak dakwaan yang mengelirukan yang semuanya secara jelas bermatlamatkan untuk menghasilkan satu persepsi negatif semata-mata bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan kebencian, permusuhan dan ke ganasan. Huraian isi dalam buku ini secara pembacaannya, berpotensi untuk menyebabkan golongan pembaca menjadi keliru dan salah faham mengenai Islam, seterusnya akan membentuk persepsi untuk membenci, menghina dan memusuhi Islam serta umatnya termasuklah mempersendakan ayat-ayat al-Quran dan hadis, menghina Nabi Muhammad s.a.w., mewujudkan suasana tidak harmoni dan mengganggu ketenteraman awam. Kedua-dua penulis bersama ini mempunyai kecenderungan ketara untuk berpandangan negatif terhadap Islam berdasarkan gambaran dan label-label yang ditonjolkan seolah-olah Islam adalah agama yang menggalakkan kebencian terhadap masyarakat Yahudi (anti-Semitisme) dan menganjurkan ke ganasan. Alasan utama yang disandarkan adalah pada kandungan al-Quran itu sendiri yang ditafsirkan oleh mereka berdua sebagai mempromosikan kebencian dan ke ganasan. Tidak dinafikan wujudnya segelintir masyarakat Islam yang berfahaman radikal serta gagal memahami ajaran Islam dengan baik sehingga berkehendakkan tindakan ke ganasan yang dianggapnya sebagai jalan penyelesaian terbaik. Namun, ia bukanlah menepati ajaran Islam yang sebenar, malah tidak layak untuk mewakili sikap umat Islam secara keseluruhannya. Justeru, buku ini dilihat sangat berbahaya kepada pembaca dan boleh mewujudkan persepsi yang tidak tepat tentang Islam dan mengelirukan (termasuklah kalangan pembaca Muslim). Malah, ia lebih banyak menyuburkan kebencian di kalangan masyarakat bukan Islam terhadap masyarakat Islam. Tidak begitu menghairankan mengapa penulisan buku ini begitu cenderung menyalahkan Islam dan umatnya. Sebabnya, kedua-dua penulis bersama berkenaan sebelum ini adalah beragama Islam, kemudiannya telah keluar dari agama tersebut (murtad). Semenjak itu mereka berdua sentiasa mengkritik agama Islam dan umatnya dalam kebanyakan penulisan terutama sekali mengenai isu Palestin-Israel. Hampir keseluruhan artikel dan buku mereka yang diterbitkan adalah begitu ketara bersifat anti-Islam dan mempromosikan perspektif negatif terhadap Islam.